

03 JAN 1997

Pulai Chondong (Analisis Berita)

BN DAN PAS SAMA-SAMA YAKIN CAPAI KEMENANGAN DI PULAI CHONDONG

Oleh: Ali Mamat

MACHANG, 3 Jan (Bernama) -- Dengan hanya tinggal tiga hari sebelum hari mengundi, Barisan Nasional (BN) dan Pas nampaknya sama-sama mempunyai keyakinan akan mencapai kemenangan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulai Chondong Isnin ini.

Pilihan raya itu, yang menyaksikan pertandingan antara calon BN Yusoff Hamzah dan calon Pas Encik Zulkefli Mamat, diadakan berikutan kematian bekas anggota dewan undangan negeri berkenaan, Kapt (B) Mohd Nor Ahmad pada 4 Dis lepas.

Menurut pemerhati, keyakinan BN bersandarkan kepada meningkatnya sokongan pengundi kawasan itu, terutama daripada kalangan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46, terhadap calonnya sejak kebelakangan ini, walaupun pada awalnya pendirian mereka agak berbelah-bahagi.

S46 dibubarkan Oktober lepas dan berikutan itu hampir 200,000 anggotanya memohon menyertai Umno. Bagaimanapun, sehingga ini hanya kira-kira 10,000 permohonan diluluskan manakala selebihnya sama ada ditolak atau disemak semula.

Kawasan Pulai Chondong mempunyai 12,635 pemilih berdaftar. Pada pilihan raya umum 1990, Allahyarham Mohd Nor yang bertanding atas tiket S46 mengalahkan calon BN Abdullah Haji Mohamad dengan kelebihan 2,590 undi.

Pada pilihan raya umum 1995 pula, Allahyarham yang sekali lagi bertanding atas tiket S46, mengalahkan calon BN Ahmad Shukri Hassan. Bagaimanapun undi majoriti yang diperolehinya merosot kepada 1,461.

Pada kedua-dua pilihan raya itu, S46 masih bergabung dengan Pas, Berjasa dan Hamim dalam satu gagasan longgar, Angkatan Perpaduan Ummah. S46 meninggalkan gagasan itu apabila berkrisis dengan Pas pertengahan tahun lepas.

Pemerhati juga percaya sokongan padu anggota keluarga Yusoff (calon BN) yang sejak sekian lama merupakan pendokong kuat Pas, turut menambah keyakinan BN terhadap peluangnya untuk mencapai kemenangan Isnin ini.

Bapa Yusoff, Haji Hamzah Abdul Rahman ialah seorang pengasas Pas Machang dan kini anggota jawatankuasa sebuah ranting parti itu di jajahan ini.

Pada satu sidang media baru-baru ini Hamzah menjelaskan beliau tetap bersama Pas tetapi akan menjadi seorang bapa yang paling gembira jika calon BN menang kerana ia adalah anaknya sendiri.

Pada masa yang sama, Hamzah berkata, beliau juga orang paling gembira jika calon Pas menang kerana ia satu kemenangan untuk parti yang didokonginya.

Kebanyakan penganalisis politik di sini percaya kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa "bukan senang (bagi BN) untuk menang" di Pulai Chondong lebih bermotifkan peringatan kepada jentera pilihan raya BN agar tidak bersikap terlalu yakin sehingga menjadi leka.

Ketika berada di Kuala Terengganu dua hari lepas, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menggesa seluruh jentera BN supaya memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pilihan raya kecil itu bagi menjamin kemenangan Yusoff.

Ini berikutan pemerhatian yang dibuat oleh kalangan media massa bahawa Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Datuk Haji Annuar Musa kelihatan seperti "lone-ranger" ke hulu dan ke hilir berkempen sejak hari penamaan calon 26 Dis lepas, sedangkan kebanyakan tokoh BN yang lain tidak kelihatan.

Berikutan itu, Pulai Chondong mulai semalam kelihatan seperti sebuah

markas BN yang besar kerana ia mula dibanjiri pemimpin-pemimpinnya, sama ada dari pusat atau negeri, termasuk, bekas presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah. Sebelum ini Tengku Razaleigh baru sekali berkunjung ke sini iaitu sehari selepas hari penamaan calon.

BN juga menaruh keyakinan kepada rekod lamanya bahawa sebelum kemunculan S46, Pulau Chondong adalah kubu kuat tradisinya. Sejak negara mencapai kemerdekaan, kawasan itu hanya sekali jatuh ke tangan Pas iaitu pada pilihan raya umum 1959.

Pas pula percaya calonnya di ambang kemenangan kerana isu-isu yang diketengahkan penceramah-penceramahnya telah berjaya meyakinkan pengundi di kawasan itu, termasuk kes penangkapan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib di Australia kerana dikatakan gagal mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta ketika hendak meninggalkan negara itu 22 Dis lepas.

Walaupun Muhammad telah menjelaskan bahawa wang itu bukan hakmiliknya, Pas yakin pengundi-pengundi Pulau Chondong sukar "untuk membelinya".

Pas juga yakin telah berjaya menanam keraguan di kalangan sebilangan bekas anggota S46 kawasan itu tentang masa depan mereka di dalam Umno apabila permohonan mereka untuk menyertai parti itu ditolak.

Sesetengah pemerhati berpendapat penjelasan Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik baru-baru ini tentang kedudukan bekas anggota S46 yang tidak diterima menganggotai Umno, tidak begitu meyakinkan pengundi Pulau Chondong daripada kalangan bekas S46.

Sabbaruddin menjelaskan bahawa permohonan yang ditolak adalah kerana sama ada kesilapan teknik dalam borang permohonan, pemohon tidak cukup umur atau telah meninggal dunia.

Pas juga menyandarkan keyakinannya kepada kekuatan kepimpinan ulama yang ditunjukkan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Abdul Aziz Nik Mat yang menurut mereka telah berjaya mengatasi dengan tenang segala macam dugaan, termasuk krisis dengan Istana Kelantan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri serta kerenggangan hubungan dengan beberapa pegawai kanan pentadbirannya sendiri.

Isu-isu itu telah dieksploitasikan sepenuhnya oleh BN sepanjang kempen pilihan raya itu, bagi menggambarkan kepincangan pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui Pas.

Walau apapun, pemerhati politik yakin penentuan keputusan pilihan raya kecil itu terletak kepada keupayaan BN dan Pas meyakinkan pengundi pada saat-saat akhir menjelang hari mengundi.

Kata mereka, di atas kertas, BN ternyata mempunyai peluang yang lebih cerah untuk menang. Pun begitu, ia tidak harus alpa kerana Pas juga mempunyai jentera pilihan raya yang agak mantap serta strategi tersendiri untuk melakukan sesuatu yang boleh memihak kepadanya.

Jika BN cekap menutup peluang, tidak mustahil Pas yang sudahpun bersiap-siap untuk membuat kenduri kemenangan selepas pilihan raya itu akan hanya "menang sorak sedangkan kampung tergadai".

-- BERNAMA

AM AHH